

# OXAIR CHEWABLE TABLET

Montelukast sodium (4mg,5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan OXAIR CHEWABLE TABLET
2. Bagaimana OXAIR CHEWABLE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan OXAIR CHEWABLE TABLET
4. Cara menggunakan OXAIR CHEWABLE TABLET
5. Semasa menggunakan OXAIR CHEWABLE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan OXAIR CHEWABLE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan OXAIR CHEWABLE TABLET

OXAIR CHEWABLE TABLET Digunakan untuk pencegahan dan rawatan asma kronik untuk dewasa dan kanak-kanak berumur 1 tahun dan ke atas. Ia juga digunakan untuk melegakan gejala-gejala alahan rhinitis (radang membran mukus hidung akibat tindak balas alergi) kepada pesakit dewasa berumur  $\geq 15$  tahun, bermusim pada waktu pagi dan malam.

## Bagaimana OXAIR CHEWABLE TABLET berfungsi

Montelukast sodium berfungsi dengan menyekat bahan-bahan semulajadi tertentu (leukotrienes) yang boleh menyebabkan atau menambahburukkan lagi asma dan alahan. Ia juga membantu untuk memudahkan pernafasan dengan mengurangkan bengkak (keradangan) di dalam salur pernafasan.

## Sebelum menggunakan OXAIR CHEWABLE TABLET

### - Bila tidak boleh mengambil

Anda tidak boleh mengambil OXAIR CHEWABLE TABLET jika anda alah terhadap mana-mana bahan dalam produk ini.

### - Sebelum mula mengambil

- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai penggunaan OXAIR CHEWABLE TABLET untuk wanita mengandung atau sedang menyusukan anak.

- Beritahu mereka juga jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.
- Montelukast tidak boleh digunakan untuk merawat serangan asma akut.
- Ia tidak harus digantikan dengan kortikosteroid samada secara inhalasi atau oral secara tiba-tiba.
- Jika anda mempunyai alahan terhadap aspirin, anda harus mengelakkan aspirin dan ubat antiradang bukan steroid semasa mengambil montelukast.
- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda menghadapi *phenylketonuria* (sejenis gangguan metabolisme)

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

OXAIR CHEWABLE TABLET boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini jika ia digunakan dengan aspirin, phenobarbital dan ubat anti-radang bukan steroid. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan OXAIR CHEWABLE TABLET

### - Berapa banyak harus diambil

OXAIR CHEWABLE TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda menghidap asma dengan atau tanpa alahan rinitis: ambil satu dos pada waktu petang.

Jika anda menghidapi alahan rinitis: masa pengambilan mungkin diselaraskan bersesuaian dengan keperluan anda.

Dewasa berumur  $\geq 15$  tahun: Sebiji tablet 10mg setiap hari.

Kanak-kanak berumur antara 6-14 tahun: Sebiji tablet 5mg setiap hari.

Kanak-kanak berumur antara 2-5 tahun: Sebiji tablet 4mg setiap hari.

### - Bila perlu diambil

OXAIR CHEWABLE TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini perlu diambil secara oral dengan atau tanpa makanan.

### - Berapa lama perlu diambil

OXAIR CHEWABLE TABLET perlu diambil dengan tetap dan selama mana mengikut nasihat doktor anda.

### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain telah mengambil terlebih dos.

Simptom-simptom terlebih dos:

- dahaga
- mengantuk
- *mydriasis* (pembangunan anak mata)
- *hyperkinesia* (peningkatan aktiviti otot)
- sakit perut

## Semasa menggunakan OXAIR CHEWABLE TABLET

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil OXAIR CHEWABLE TABLET.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Perhatian perlu diambil untuk penggunaan ubat ini semasa mengandung dan penyusuan.
- Sila dapatkan nasihat daripada doktor samada OXAIR CHEWABLE TABLET sesuai untuk penggunaan anda.
- Keselamatan dan keberkesanan ubat ini kepada pesakit paediatric yang berumur kurang daripada 6 bulan belum lagi dikaji.

#### Kesan-kesan sampingan

OXAIR CHEWABLE TABLET mungkin akan menyebabkan reaksi hipersensitiviti seperti anafilaksis, angioedema (bengkak di bawah lapisan kulit), ruam, gatal-gatal dan urtikaria (ruam gatal yang timbul akibat tindak balas alahan).

Ia juga boleh menyebabkan khayalan, rasa mengantuk, cepat marah, keresahan, Insomnia, loya, muntah, dyspepsia (ketakcernaan), cirit-birit, kekejangan otot, peningkatan kecenderungan pendarahan, lebam dan edema (bengkak).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers →Reporting).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan

##### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembab. Simpan di dalam bekas yang tertutup rapat

##### - Pelupusan

OXAIR CHEWABLE TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkahlangkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

#### **Oxair Chewable Tablet 4mg**

Tablet berbentuk bujur yang berwarna coklat muda kemerahan



#### **Oxair Chewable Tablet 5mg**

Tablet berbentuk bulat yang berwarna coklat muda kemerahan



#### - Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

*Montelukast sodium*

-Bahan-bahan tidak aktif

*Croscarmellose Sodium*

*Aspartame*

*Iron Oxide Red*

*Hydroxypropyl Cellulose*

*Blueberry Powder*

*Mannitol*

*Microcrystalline Cellulose*

*Magnesium Stearate,*

*Ethanol 96%*

#### Nombor MAL.

#### **Oxair Chewable Tablet 4mg**

MAL11040021A

#### **Oxair Chewable Tablet 5mg**

MAL11040022A

#### **Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000Kajang, Selangor D.E., Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP:**

28 Aug 2015

#### **Nombor siri**

BPFK (R4/1)100215/00031